

Perkukuh iman hindari jenayah kejam angkara ledakan emosi



Oleh Mohamad Zaki Yahpar Yahya
bhagama@bh.com.my

Kebelakangan ini, kita sering dikejutkan dengan berita menyedihkan terutama pembunuhan kejam, bukan dilakukan orang luar atau musuh, tetapi berlaku dalam kalangan keluarga sendiri.

Ada saudara membunuh saudara, suami membunuh isteri atau bahkan ibu bapa terhadap anak mereka atau sebaliknya. Fenomena ini menimbulkan persoalan mendalam mengenai kehilangan nilai kemanusiaan dan kawalan diri dalam kehidupan seharian.

Nyawa manusia adalah aset paling mahal dan penting. Ia bukan sekadar anugerah fizikal, tetapi amanah daripada Tuhan harus dijaga dengan sebaiknya.

Dalam Islam, memelihara nyawa diletakkan sebagai kewajipan paling tinggi seperti ditegaskan dalam al-Quran. Firman Allah SWT dalam Surah al-Maaidah ayat 32 bermaksud: *"Dengan sebab (kisah pembunuhan kejam) yang demikian itu kami tetapkan atas Bani Israel, sesiapa membunuh seorang manusia dengan tiada alasan membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerusakan di muka bumi, maka seolah-olah dia membunuh manusia semua dan sesiapa menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia menjaga keselamatan hidup manusia semua".*

Ayat ini menunjukkan betapa beratnya dosa membunuh kerana menyamai pembunuhan terhadap seluruh umat manusia. Begitu juga dalam Surah al-Israk ayat 33 bermaksud: *"Dan jangan kamu membunuh seseorang manusia dihalalkan Allah membunuhnya kecuali dengan alasan benar".*

Ini menegaskan nyawa adalah suci dan hanya boleh diambil dengan alasan dibenarkan syariat, seperti qisas atau hukuman atas jenayah tertentu.

Fenomena pembunuhan dalam keluarga sering bermula daripada konflik kecil tidak diselesaikan dengan baik, akhirnya membesar menjadi tragedi. Ditambah pula dorongan sekeliling menjadi batu api kepada permasalahan sedia ada, hanya akan memburukkan situasi.

Pembunuhan kejam dalam keluarga bukan berlaku secara tiba-tiba, tetapi sering disebabkan pelbagai faktor saling berkaitan.

- Faktor utama ialah kegagalan mengawal emosi. Perasaan seperti marah, dendam atau cemburu boleh membutakan akal fikiran seseorang, menyebabkan tindakan impulsif tidak terkawal. Misalnya, dalam kes pertengkaran rumah tangga, marah tidak dikawal boleh membawa kepada kekerasan fizikal berakhir dengan pembunuhan.

Dalam Islam, marah digambarkan sebagai api yang dinyalakan oleh syaitan seperti yang disebut dalam hadis bermaksud: *"Sesungguhnya marah itu daripada syaitan dan syaitan diciptakan daripada api. Sedangkan api hanya dapat dipadamkan dengan air. Maka apabila seseorang di antara kamu marah, hendaklah dia berwuduk".* (HR Abu Daud)

- Faktor kedua ialah tekanan hidup semakin meningkat. Dalam masyarakat moden, tekanan daripada masalah ekonomi, pekerjaan atau masalah sosial boleh menimbun sehingga meletup. Seseorang menghadapi tekanan berat mungkin melihat keluarga sebagai sasaran melepaskan kemarahan.

Menurut perspektif Islam, tekanan hidup adalah ujian daripada Allah dan kita diajar menghadapinya dengan sabar. Namun, tanpa panduan agama, tekanan ini boleh menjadi pencetus tragedi.

- Faktor ketiga ialah dorongan luar, seperti pengaruh media sosial, rakan sebaya atau pengaruh dadah dan alkohol. Media sosial sering memaparkan kandungan kekerasan boleh menormalisasi tindakan kejam, manakala dorongan daripada rakan boleh mendorong seseorang melakukan jenayah.

Dalam konteks keluarga, dorongan luar ini boleh memburukkan konflik sedia ada, seperti hasutan daripada saudara mara atau pengaruh budaya tidak sihat. Islam melarang segala bentuk dorongan membawa kepada kemudaratan, seperti firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 195 bermaksud: *"Dan jangan kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baiklah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang berusaha memperbaiki amalannya".*

Faktor ini saling berkait rapat dan boleh dicegah jika mempunyai kesedaran dan panduan agama. Pembunuhan dalam keluarga bukan sahaja merosakkan ikatan kekeluargaan, tetapi meninggalkan trauma mendalam kepada masyarakat.

Islam sedia panduan lengkap kawal emosi

Oleh itu, pemahaman mengenai sebab ini adalah langkah pertama untuk pencegahan. Islam sebagai agama sempurna menyediakan panduan lengkap mengawal emosi, terutama menghadapi marah, tekanan dan konflik.

Sunah Nabi Muhammad SAW menjadi contoh terbaik dalam hal ini. *"Seorang pemuda meminta nasihat daripada Nabi SAW dan Nabi bersabda: Jangan kamu menurut amarah. Dia mengulangi pertanyaannya dan Nabi mengulanginya sebanyak tiga kali".*

Nabi SAW turut mengajar cara mengawal marah. Dalam hadis lain riwayat Abu Daud: *"Apabila salah seorang daripada kamu marah ketika berdiri, hendaklah dia duduk. Jika kemarahannya hilang, maka itu baik. Jika tidak, hendaklah dia berbaring".*

Cara ini bertujuan mengurangkan impulsif, kerana perubahan posisi badan boleh menenangkan fikiran. Begitu juga, Nabi SAW menasihatkan untuk mengambil wuduk ketika marah.

Bagi menghadapi tekanan hidup, sunah Nabi SAW menekankan doa dan kebergantungan kepada Allah. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik RA, beliau berkata: *"Nabi SAW sering berdoa dengan doa ini: Ya Allah. Aku berlindung kepada-Mu daripada kesedihan dan kedukaan, daripada kelema-*

han dan malas, daripada sifat pengecut dan bakhil, daripada beban hutang bertimpa serta daripada kezaliman manusia".

Dalam aspek hubungan atau krisis suami isteri, Allah SWT menegaskan: *"Dan jika kamu bimbangkan perpecahan antara mereka berdua (suami isteri) maka lantik 'orang tengah' (untuk mendamaikan mereka, iaitu), seorang daripada keluarga lelaki dan seorang daripada keluarga perempuan. Jika kedua-dua 'orang tengah' itu (dengan ikhlas) bertujuan hendak mendamaikan, nescaya Allah akan menjadikan kedua (suami isteri itu) berpakat baik. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengetahui, lagi Amat mendalam pengetahuan-Nya".* (Surah an-Nisa' ayat 35)

Ayat ini menyediakan mekanisme mediasi untuk menyelesaikan konflik rumah tangga sebelum menjadi parah. Jika konflik dikendalikan dengan emosi, ia hanya berakhir dengan penyesalan dan kerugian.

Dengan mengamalkan sunah dan panduan ditunjukkan Baginda Nabi SAW, umat Islam sebenarnya boleh mengawal emosi dan mengelakkan tindakan luar kawalan yang merugikan.

Apa yang penting, setiap Muslim perlu sentiasa muhasabah diri untuk menghindari tingkah laku merugikan.

Muhasabah diri adalah proses introspeksi yang penting dalam Islam untuk menilai amalan kita. Firman Allah dalam Surah al-Hasyr ayat 18 bermaksud: *"Wahai orang beriman. Bertakwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan hendaklah setiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia sediakan (daripada amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). Dan (sekali lagi diingatkan) bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala kamu kerjakan".*

Dengan sentiasa bermuhasabah, hidup kita akan lebih dipandu ke arah tujuan utama hidup iaitu mencari reda Allah SWT dan menggapai kebaikan dunia dan akhirat.

Namun apa yang penting, setiap Muslim perlu mengukuhkan iman. Tanpa iman yang kukuh, segala tindakan berpandukan emosi boleh membawa kebinasaan, seperti pembunuhan menimbulkan penyesalan abadi.

Justeru, setiap Muslim perlu mengambil pelajaran bahawa pembunuhan kejam sama ada dalam kalangan keluarga mahupun masyarakat boleh dicegah dengan mengamalkan ajaran Islam.

Dengan mengamalkan sunah dan panduan ditunjukkan Baginda Nabi SAW, umat Islam sebenarnya boleh mengawal emosi dan mengelakkan tindakan luar kawalan yang merugikan

